



25 FEB, 2023

## FAMA komited promosi produk makanan, hasil pertanian

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### FAMA komited promosi produk makanan, hasil pertanian

**MIRI:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) komited mempromosikan produk makanan dan hasil pertanian para usahawan industri makanan dan pengusaha pertanian di Sarawak menerusi Program Sarawak FAMA Fest Tahun 2023 (SAFF 2023).

Timbalan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, SAFF 2023 ini merupakan program edisi yang kedua FAMA setelah dilaksanakan kali pertama pada tahun 2019 yang lalu.

Katanua, objektif program ini adalah untuk mengetengahkan dan mempromosikan produk keluaran makanan usahawan tempatan kepada masyarakat tempatan khususnya di Miri, Sarawak dan negara jiran Brunei Darussalam.

"Kami mendasarkan sebanyak RM400,000 jualan untuk majlis yang berlangsung selama empat hari di Bintang Megamall.

"Memandangkan Bandaraya Miri berdekatan dengan negara jiran, Brunei Darussalam, jadi kami berharap melalui platform ini, kita dapat mempromosikan produk tempatan kita kepada rakan Asia Tenggara kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Sarawak FAMA Fest Tahun 2023 (SAFF 2023) di sini, baru-baru ini.

Dalam penganjuran SAFF 2023 ini turut diadakan program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) yang merupakan inisiatif kerajaan dalam membantu

mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Pelaksanaan JTDL juga dilihat sebagai program 'quick win' FAMA dalam membantu para petani memasarkan produk mereka secara terus kepada pengguna.

Untuk rekod, nilai jualan keseluruhan JTDL dari (Jan-Dis) 2022, telah mencatat RM16.29 juta dengan penglibatan 7,586 usahawan di 1,031 lokasi seluruh negara dengan RM1.6 juta nilai penjimatan.

Terdapat pelbagai aktiviti menarik menanti para pengunjung ke SAFF 2023, antaranya padanan perniagaan (business matching), demo masakan, bermukun (aktiviti hiburan masyarakat Melayu Sarawak), pertandingan masakan dan lain-lain.

FAMA menasaskan potensi nilai eksport sebanyak RM3 juta menerusi sesi padanan perniagaan.

Bagi tujuan ini, FAMA membawa agen pemasar dari Brunei, Thailand, Hong Kong dan China untuk membantu memperluaskan pasar produk agromakanan Malaysia khususnya keluaran usahawan Sarawak ke pasaran global.

Ia bertujuan untuk menggalakan usahawan meneroka pasaran global yang lebih luas dan menguntungkan menerusi agen pemasaran yang memiliki outlet pasaran atau 'key account' di destinasi masing-masing.

Turut hadir Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) Negeri Sarawak, Abdul Rahman Ismail.



25 FEB, 2023

## FAMA komited promosi produk makanan, hasil pertanian

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MIRI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) komited mempromosikan produk makanan dan hasil pertanian para usahawan industri makanan dan pengusaha pertanian di Sarawak menerusi Program Sarawak FAMA Fest Tahun 2023 (SAFF 2023). Timbalan Kementerian Pertanian dan Keteijaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, SAFF 2023 ini merupakan program edisi yang kedua FAMA setelah dilaksanakan kali pertama pada tahun 2019 yang lalu.